

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN
DEWAN RAKYAT, MALAYSIA**

**DARIPADA : Y.B. RAJA DATO' KAMARUL BAHRIN SHAH
BIN RAJA AHMAD BAHARUDDIN SHAH
(KUALA TERENGGANU)**

PERTANYAAN : LISAN

TARIKH : 23.05.2016

**Y.B. RAJA DATO' KAMARUL BAHRIN SHAH BIN RAJA AHMAD
BAHARUDDIN SHAH [KUALA TERENGGANU]** minta **MENTERI
KEWANGAN** menyatakan implikasi kenyataan dari I.P.I.C
(International Petroleum Investment Company) Abu Dhabi yang
mereka tidak bertanggung jawab membayar hutang 1MDB kerana
tidak menepati perjanjian asal.

JAWAPAN

Tuan Yang Dipertua,

Seperti mana umum sedia maklum, pada masa ini terdapat pertikaian di antara pihak 1MDB dan IPIC. Justeru itu, pihak 1MDB

sedang mengkaji dan akan mengambil segala langkah yang perlu untuk membuktikan bahawa pihak IPIC dan Aabar Investments PJS bertanggungjawab ke atas dana yang telah dibayar oleh 1MDB kepada Aabar BVI berjumlah USD3.5 bilion.

Untuk makluman Dewan yang mulia ini, berikutnya pertikaian di antara 1MDB dan IPIC, 1MDB mahupun anak syarikatnya, 1MDB Energy (Langat) Limited (“Bon Langat”) dan 1MDB Energy Limited (“Bon Energy”) masih belum membuat pembayaran faedah bon dan kini berada di dalam situasi ingkar (*default*, dengan izin) mengikut terma-terma Bon Langat dan Bon Energy. Justeru itu, pihak IPIC telah menjelaskan pembayaran faedah bon-bon tersebut di bawah peruntukan Jaminan IPIC.

Tuan Yang Dipertua,

1MDB telah dan akan terus menjalankan perbincangan dengan semua pemegang bon untuk menjelaskan latar belakang pertikaian serta menjelaskan mengapa 1MDB mengambil pendirian untuk tidak membuat bayaran faedah ke atas Bon Langat dan Bon Energy dan menegaskan bahawa 1MDB mempunyai Pelan Rasionalisasi yang

membolehkan 1MDB memenuhi obligasi hutang sedia ada. 1MDB juga komited untuk bekerjasama secara terbuka dengan IPIC untuk menyelesaikan pertikaian yang berlaku bagi meminimumkan kesan ke atas semua pihak berkepentingan dan mengelakkan keperluan mempercepatkan bayaran balik bon atau sukuk dalam cara yang boleh menimbulkan risiko signifikan kepada Pelan Rasionalisasi 1MDB.

Tuan Yang Dipertua,

Pihak agensi penarafan (*ratings agency*, dengan izin) “Standard and Poors” (dengan izin) telah mengeluarkan laporan bertarikh 10 Mei 2016 di mana mereka telah merumuskan bahawa jumlah hutang 1MDB yang ditanggung oleh Kerajaan adalah “tidak material”. Oleh itu, ini jelas menunjukkan bahawa kedudukan kewangan negara tidak akan terjejas disebabkan pertikaian antara 1MDB dan IPIC.